

SOALAN NO: 142

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar penyaluran peruntukan pembangunan Kerajaan melalui Ahli Parlimen di kawasan masing-masing.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai dasar untuk menyalurkan peruntukan pembangunan bagi sesebuah kawasan melalui mana-mana Ahli Parlimen. Di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri, dana ini disediakan bagi semua kawasan Parlimen di seluruh negara dan dibelanjakan untuk faedah rakyat. Peruntukan ini diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Negeri (JPP/PPN) berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dan prosedur Kewangan Kerajaan yang berkuatkuasa.

Sekian. Terima kasih.